



31 Disember 2011
31 December 2011
P.U. (A) 445

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 11) 2011

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 11) ORDER 2011



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 11) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 11) 2011.**

(2) Perintah ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2014.

Pemakaian

2. Perintah ini hendaklah terpakai kepada sukuk bukan ringgit yang berasal dari Malaysia dan yang dikeluarkan atau dijamin oleh Kerajaan Malaysia atau diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*].

Pengecualian

3. (1) Menteri mengecualikan orang yang dinyatakan dalam Jadual yang bermastautin di Malaysia bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperoleh daripada aktiviti terkawal berniaga dalam sekuriti dan menasihati tentang kewangan korporat di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 yang berhubungan dengan pengaturan, penajajaminan dan pengagihan sukuk.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan orang yang dinyatakan dalam Jadual itu daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau untuk memberikan apa-apa maklumat lain di bawah peruntukan Akta.

Akaun yang berasingan

4. (1) Jika orang yang dikecualikan di bawah subperenggan 3(1) menjalankan suatu aktiviti yang disebut dalam subperenggan itu dan apa-apa aktiviti atau urusan lain, setiap aktiviti atau urusan itu hendaklah dianggap sebagai punca aktiviti atau urusan yang berasingan dan tersendiri orang itu.

(2) Orang yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah menyenggarakan suatu akaun yang berasingan bagi pendapatan yang diperoleh daripada aktiviti atau urusan yang disebut dalam subperenggan itu.

Pemakaian perenggan 5 dan 6 Jadual 7A Akta

5. Perenggan 5 dan 6 Jadual 7A Akta hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi amaun pendapatan berkanun yang dikecualikan di bawah subperenggan 3(1).

JADUAL

[Subperenggan 3(1)]

(1) Seseorang di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007—

- (a) yang memegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang diberikan di bawah seksyen 61 Akta itu;
- (b) yang ditentukan sebagai seorang berdaftar di bawah Jadual 4 Akta itu; atau
- (c) yang berdaftar di bawah subseksyen 76(2) Akta itu,

yang menjalankan aktiviti terkawal berniaga dalam sekuriti dan menasihati tentang kewangan korporat sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta itu.

(2) Seseorang yang ditentukan di bawah Jadual 3 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 yang menjalankan aktiviti terkawal menasihati tentang kewangan